

# Yayasan Kepimpinan Perdana akan anjur Persidangan Keamanan

Um - 17/6/2005


Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 16 Jun — Yayasan Kepimpinan Perdana akan meng-  
anjurkan Persidangan Keamanan pada akhir tahun ini bagi mengubah persepsi pemimpin-pemimpin dunia bahawa peperangan merupakan jalan terbaik bagi mengatasi sebarang masalah yang wujud sekarang.

Presiden Kehormatannya, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, menjadi hasrat Yayasan Kepimpinan Perdana untuk mengubah persepsi pemimpin-pemimpin dunia dan mencari jalan terbaik bagi mengatasi sebarang masalah yang wujud sekarang.

“Pemimpin-pemimpin sekarang melihat peperangan merupakan jalan terbaik bagi mengatasi sebarang konflik dan masalah yang wujud di dunia.

“Persidangan Keamanan ini akan cuba mengubah persepsi pemimpin-pemimpin terbabit bahawa dengan mengisytiharkan peperangan, membunuh orang yang tidak bersalah tidak akan menyelesaikan sebarang



DR. MAHATHIR Mohamad (kanan), Bob Hawke (tengah) dan Colin Powell bergambar sebelum majlis Dialog Pemimpin Dunia di Kuala Lumpur, malam tadi.

konflik yang wujud,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebagai tetamu kehormat pada majlis Dialog Pemim-

pin Global yang menjemput bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Jeneral (B) Colin Powell sebagai penyampai utama anjuran *BusinessWeek*, Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) serta Country Heights di sini malam ini.

Turut hadir bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke dan isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir menegaskan, Yayasan Kepimpinan Perdana mempunyai tanggungjawab untuk mengubah persepsi tersebut.

Sementara itu Powell dalam ucapannya menegaskan, dunia kini semakin aman dan merupakan tempat selamat untuk didiami.

Katanya, ini disebabkan tindakan AS menghapuskan banyak ancaman yang melanda dunia seperti pengganas.

“AS sejak berdekad-dekad lalu telah berusaha untuk menjadikan dunia tempat yang selamat untuk diduduki dengan mewujudkan kestabilan di setiap pelosok dunia,” katanya.

Tegasnya, setiap apa yang dilakukan oleh AS seperti menyerang Afghanistan dan Iraq meny-

untuk mewujudkan kestabilan di dunia.

Sementara itu semasa sesi dialog, Powell menegaskan, setiap kumpulan serantau seperti Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak harus mengeneppikan AS.

“AS mempunyai peranan penting di rantau ini dan tindakan mengeneppikan negara tersebut tidak boleh diterima.

## Kestabilan

“AS telah berusaha untuk mewujudkan kestabilan politik dengan melakukakan pelbagai perkara termasuk menempatkan anggota dan aset tentera bagi memastikan rantau ini selamat serta stabil,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Dr. Mahathir yang mempersoalkan mengapa AS menentang usaha Malaysia dulu untuk mewujudkan EAEC.

Powell menambah, sekiranya sesebuah kumpulan serantau hendak diwujudkan jangan menolak sama sekali peranan yang boleh dimainkan